

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENKALAN CHEPA]

TARIKH : 4 APRIL 2016 (ISNIN)

SOALAN : 40

Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan mengapa kepantasan internet Malaysia di bawah kadar purata kepantasan internet di negara-negara Asia Tenggara dan kadar caj yang tinggi . Apakah penyelesaian kementerian untuk meningkatkan kepantasan internet Malaysia bersama caj yang berpatutan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini kerajaan Malaysia lebih mengutamakan penyediaan capaian kepada sebanyak kawasan yang mungkin di seluruh negeri berbanding dengan beberapa negara ASEAN lain yang lebih menumpukan kepada kelajuan internet berbanding jumlah kawasan yang diberi liputan perkhidmatan tersebut. Oleh itu, purata kelajuan internet bagi Malaysia dilaporkan agak rendah berbanding dengan beberapa negara ASEAN lain di mana keutamaan dan keperluan yang diukur untuk perbekalan perkhidmatan jalur lebar adalah berbeza antara satu sama lain.

SOALAN NO: 40

Berdasarkan kepada laporan tahunan 2015 yang dikeluarkan oleh *International Telecommunication Union* (ITU) untuk Indeks Kemajuan ICT, kedudukan Malaysia telah meningkat daripada tangga ke-71 pada tahun 2013 kepada tangga ke-64 daripada 167 negara yang terlibat. Di peringkat Asia Pasifik pula, Malaysia berada di kedudukan ke-8 pada tahun 2014 berbanding kedudukan ke-9 pada tahun sebelumnya. Manakala, di peringkat ASEAN, Malaysia berada di tangga ke-2 selepas Singapura.

Bagi memastikan peluasan liputan capaian internet dapat disediakan, Kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan kelajuan internet secara berperingkat mengikut keutamaan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai impak ekonomi yang tinggi kerana kos yang diperlukan adalah amat besar.

Untuk itu, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang melaksanakan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 (HSBB 2) yang melibatkan 390,000 sambungan *port* bermula sejak tahun 2015 lagi. Selain itu, ibu sawat di pinggir bandar akan dinaik taraf melalui projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) bagi meningkatkan kelajuan internet yang melibatkan 420,000 sambungan *port*.

Bagi perkhidmatan mudah alih pula, Kerajaan turut memperluaskan liputan selular melalui pembinaan menara komunikasi baharu selain menaik taraf liputan 3G bagi menara komunikasi sedia ada.